

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 APRIL 2015



NAJIB TUN RAZAK dan Rosmah Mansor sempat beramah mesra dengan peserta raptai persembahan kebudayaan seawaktu meninjau persiapan Majlis Gala Makan Malam sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. Majlis Makan Malam Gala itu akan berlangsung malam ini. - BERNAMA

um-26/4/2015

Najib tinjau persiapan persidangan

KUALA LUMPUR 25 April - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meluangkan masa untuk meninjau persiapan majlis perasmian Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) Isnin ini.

Perdana Menteri yang ditemani isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor serta anaknya, Nooryana Najwa menyaksikan raptai perjalanan majlis itu di Dewan Pleno KLCC serta persiapan yang diatur di pusat kovensyen berkenaan.

Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Turut menjadi perhatian Najib dalam tinjauan itu adalah persiapan bagi Majlis Makan Malam Gala

yang akan menghimpunkan para pemimpin negara-negara ASEAN di KLCC esok.

Ditanya mengenai persembahan yang bakal diaturkan pada majlis makan malam itu, Najib melahirkan rasa puas hati selepas menyaksikan raptai persembahan berkenaan.

"Persembahan yang amat baik," katanya yang meluangkan masa kira-kira tiga jam sejak pukul 11.25 pagi bagi melihat sendiri kesemua persiapan di KLCC bersempena Sidang Kemuncak ASEAN.

Sidang kemuncak yang berlangsung pada 26 hingga 27 April ini di Kuala Lumpur dan Langkawi antara lain bakal menumpukan kepada kemajuan yang dicapai berkaitan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada penghujung tahun ini.